

# **D.R.32/90**

**Naskhah Sahih—Bahasa Malaysia**

## **RANG UNDANG-UNDANG CUKAI AKTIYITI PERNIAGAAN LUAR PESISIR LABUAN- 1990**

---

### **SUSUNAN FASAL**

---

#### **BAHAGIAN I**

##### **PERMULAAN**

Fasal

1. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.

#### **BAHAGIAN II**

##### **KEBOLEHKENAAN CUKAI**

##### *Skop Pengeanaan*

3. Aktiviti perniagaan luar pesisir boleh dikenakan cukai.

##### *Cukai Berasaskan Penyata*

4. Aktiviti perdagangan luar pesisir.
5. Pemfailan akuan berkanun dan penyata keuntungan.
6. Taksiran.

##### *Cukai Dikenakan atas Pemilihan*

7. Pemilihan.
8. Ketiadaan tempoh asas.

#### **BAHAGIAN III**

##### **KETAKBOLEHKENAAN CUKAI**

9. Aktiviti bukan perdagangan luar pesisir.
10. Akuan berkanun mengenai aktiviti bukanperdagangan luarpesisir.

## BAHAGIAN IV

## PEMBAYARAN DAN MENDAPATKAN CUKAI

Pasal

11. Pembayaran cukai.
12. Pembayaran perbezaan dan pembayaran balik.
13. Notis permintaan.
14. Mendapatkan cukai melalui guaman.

## BAHAGIAN V

## TANGGUNGJAWAB BAGI PEMATUHAN

15. Orang yang boleh dikenakan cukai.
16. Pegawai-pegawai yang bertanggungjawab bagi pematuhan.

## BAHAGIAN VI

## TAMBAHAN

*Pentadbiran*

17. Ketua Pengarah.
18. Perwakilan fungsi-fungsi Ketua Pengarah.
19. Kuasa Menteri untuk memberi arahan.
20. Penyata keuntungan, dll., dianggap sulit.
21. Kuasa Menteri untuk membuat peraturan-peraturan.

*Pelbagai*

22. Kuasa untuk meminta maklumat.
23. Kesalahan dan penalti.
24. Pengkompaunan kesalahan.
25. Penalti bagi akuan berkanun palsu.

## RANG UNDANG-UNDANG

*bernama*

Suatu Akta bagi membuat peruntukan mengenai pengenaan, pentaksiran dan pemungutan cukai ke atas aktiviti perniagaan luar pesisir yang dijalankan oleh suatu syarikat luar pesisir di atau dari Labuan dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

## BAHAGIAN I

## PERMULAAN

I. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

(2) Akta ini hendaklah berkuatkuasa bagi tahun taksiran 1991 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

2. (1) Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain— Tafsiran.

"aktiviti bukan perdagangan luar pesisir" ertinya suatu aktiviti berhubungan dengan pemegangan pelaburan dalam sekuriti, saham, syer, pinjaman, deposit dan harta tak alih oleh suatu syarikat luar pesisir bagi pihaknya sendiri;

"aktiviti perdagangan luar pesisir" termasuklah urusan bank, insurans, perdagangan, pengurusan, pelesenan atau apa-apa aktiviti lain yang bukannya suatu aktiviti bukan perdagangan luar pesisir;

"aktiviti perniagaan luar pesisir" ertinya suatu aktiviti perdagangan luar pesisir atau aktiviti bukan perdagangan luar pesisir yang dijalankan di atau dari Labuan dalam mata wang selain daripada mata wang Malaysia oleh suatu syarikat luar pesisir dengan bukan pemastautin atau dengan suatu syarikat luar pesisir yang lain, tetapi tidak termasuk urusan perkapalan dan operasi petroleum:

Dengan syarat bahawa—

- (i) berhubungan dengan suatu syarikat luar pesisir yang menjalankan perniagaan bank luar pesisir atau perniagaan insurans luar pesisir, aktiviti itu bolehlah dijalankan dengan pemastautin;
- (ii) berhubungan dengan perniagaan bank luar pesisir, transaksi boleh, jika dibenarkan di bawah subseksyen (2) seksyen 20 Akta Bank Luar Pesisir 1990, dijalankan dalam mata wang Malaysia; dan
- (iii) berhubungan dengan perniagaan insurans luar pesisir, insurans semula perniagaan insurans domestik boleh diurusniagakan dalam ringgit Malaysia;

*Akta*

"amanah luar pesisir" ertinya suatu amanah yang diwujudkan di Labuan di mana penyelesaian dan benefisiari-benefisiari terdiri daripada bukan pemastautin;

*Akta 53.*

"Ketua Pengarah" ertinya Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri yang disebutkan dalam seksyen 134 Akta Cukai Pendapatan 1967;

"Labuan" ertinya Wilayah Persekutuan Labuan;

"Menteri" ertinya Menteri yang sedang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kewangan;

"orang" termasuklah suatu syarikat, perkongsian, kumpulan orang dan perbadanan tunggal;

"pegawai rasmi" ertinya seseorang yang mempunyai tugas rasmi di bawah, atau diambilkerja untuk melaksanakan, peruntukan-peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967;

"pemastautin" ertinya—

- (a) berhubungan dengan seorang orang sebenar, seorang warganegara atau pemastautin tetap Malaysia; atau
- (b) berhubungan dengan mana-mana orang lain, seorang yang telah menubuhkan suatu tempat perniagaan, dan sedang beroperasi, di Malaysia,

dan termasuklah seorang yang diisytiharkan sebagai pemastautin menurut kuasa subseksyen (2) seksyen 43 , Akta Kawalan Pertukaran 1953;

*Akta 17.*

"perniagaan bank luar pesisir" mempunyai erti yang diberikan kepadanya oleh Akta Bank Luar Pesisir 1990;

"perniagaan insurans luar pesisir" mempunyai erti yang diberikan kepadanya oleh Akta Insurans Luar Pesisir 1990; *Akta .*

"syarikat luar pesisir" ertinya suatu syarikat luar pesisir yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat Luar Pesisir 1990, dan termasuklah suatu syarikat luar pesisir asing yang didaftarkan di bawah Akta itu dan suatu amanah luar pesisir; *Akta*

"tahun taksiran" ertinya tahun kalendar;

"tempoh asas", berhubungan dengan suatu tahun taksiran ertinya tempoh atau tempoh-tempoh perakaunan yang berakhir dalam tahun kalendar sebelum sahaja tahun taksiran itu.

(2) Jika suatu syarikat luar pesisir menjalankan kedua-dua aktiviti perdagangan luar pesisir dan aktiviti bukan perdagangan luar pesisir, syarikat itu adalah disifatkan sebagai menjalankan suatu aktiviti perdagangan luar pesisir.

(3) Bagi mengelakkan keraguan, adalah diisytiharkan bahawa peruntukan-peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 terpakai berkenaan dengan—

- (a) suatu aktiviti selain daripada aktiviti perniagaan luar pesisir yang dijalankan oleh suatu syarikat luar pesisir;

- (b) suatu perniagaan bank luar pesisir yang dijalankan oleh bank luar pesisir Malaysia berlesen sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Bank Luar Pesisir 1990, yang adalah pejabat suatu bank Malaysia; atau
- (c) suatu perniagaan insurans luar pesisir yang dijalankan oleh penanggung insurans luar pesisir Malaysia sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Insurans Luar Pesisir 1990, yang adalah cawangan penanggung insurans Malaysia.

## BAHAGIAN II

### KEBOLEHKENAAN CUKAI

#### *Skop Pengeanaan*

Aktiviti perniagaan luar pesisir boleh dikenakan cukai.

3. Tertakluk kepada Akta ini, suatu syarikat luar pesisir yang menjalankan suatu aktiviti perniagaan luar pesisir hendaklah dikenakan cukai mengikut Akta ini bagi setiap tahun taksiran berkenaan dengan aktiviti perniagaan luar pesisir itu.

#### *Cukai Berasaskan Penyata*

Aktiviti perdagangan luar pesisir.

4. (1) Cukai atas kadar tiga peratus hendaklah dikenakan bagi suatu tahun taksiran ke atas keuntungan yang boleh dikenakan cukai bagi suatu syarikat luar pesisir yang menjalankan suatu aktiviti perniagaan luar pesisir yang adalah aktiviti perdagangan luar pesisir untuk tempoh asas bagi tahun taksiran itu.

(2) Keuntungan yang boleh dikenakan cukai bagi suatu syarikat luar pesisir yang menjalankan suatu aktiviti perniagaan luar pesisir yang adalah aktiviti perdagangan luar pesisir bagi suatu tahun taksiran adalah keuntungan bersih seperti yang ditunjukkan di dalam akaun teraudit berkenaan dengan aktiviti perdagangan luar pesisir sedemikian bagi syarikat luar pesisir itu untuk tempoh asas bagi tahun taksiran itu.

5. Suatu syarikat luar pesisir yang menjalankan suatu aktiviti perniagaan luar pesisir yang adalah aktiviti perdagangan luar pesisir hendaklah, dalam tempoh tiga bulan (atau apa-apa tempoh lanjutan yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah) dari permulaan suatu tahun taksiran, memfailkan dengan Ketua Pengarah suatu akuan berkanun dan penyata keuntungan syarikat luar pesisir itu bagi tahun taksiran itu dalam borang-borang yang ditetapkan,

Pemfailan akuan berkanun dan penyata keuntungan

6. Apabila diterima penyata keuntungan syarikat luar pesisir sebagaimana yang disebutkan dalam seksyen 5 bagi suatu tahun taksiran, Ketua Pengarah hendaklah membuat taksiran dalam borang yang ditetapkan bagi tahun taksiran itu dan hendaklah menyampaikan suatu notis taksiran, secara sendiri atau melalui pos, kepada syarikat luar pesisir berkenaan.

Taksiran.

### *Cukai Dikenakan atas Pemilihan*

1. (1) Walauapapunseksyen4, suatusyarikatluarpesisir yang menjalankan suatu aktiviti perniagaan luar pesisir yang adalah aktiviti perdagangan luar pesisir boleh, dalam tempoh tiga bulan {atau apa-apa tempoh lanjutan yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah) dari permulaan suatu tahun taksiran, memilih, dalam borang yang ditetapkan, untuk dikenakan cukai sejumlah dua puluh ribu ringgit bagi tahun taksiran itu.

Pemilihan.

(2) Suatu syarikat luar pesisir hendaklah, apabila membuat pilihan di bawah subseksyen (1), memfailkan dengan Ketua Pengarah suatu akuan berkanun dalam borang yang ditetapkan,

(3) Peruntukan-peruntukan seksyen 5 tidaklah terpakai bagi suatu syarikat luar pesisir yang memilih dikenakan cukai di bawah subseksyen (1).

8. (1) Walau apa pun seksyen4 dan 7, jika suatu syarikat luar pesisir yang menjalankan suatu aktiviti perniagaan luar pesisir yang adalah aktiviti perdagangan luar pesisir tidak mempunyai tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, syarikat luar pesisir itu hendaklah dikenakan cukai bagi tahun taksiran itu sebanyak dua puluh ribu ringgit.

Ketiadaan tempoh asas.

(2) Suatu syarikat luar pesisir yang boleh dikenakan cukai di bawah subseksyen (1) bagi suatu tahun taksiran hendaklah, dalam tempoh tiga bulan (atau apa-apa tempoh lanjutan yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah) dari permulaan suatu tahun taksiran, memfailkan dengan Ketua Pengarah suatu akuan berkanun dalam borang yang ditetapkan.

### BAHAGIAN III

#### KETAKBOLEHKENAAN CUKAI

Aktiviti bukan perdagangan luar pesisir.

9. Walau apa pun seksyen 3, suatu syarikat luar pesisir yang menjalankan suatu aktiviti perhiagaan luar pesisir yang adalah aktiviti bukan perdagangan luar pesisir bagi tempoh asas bagi suatu tahun taksiran tidaklah boleh dikenakan cukai bagi tahun taksiran itu.

Akuan berkanun mengenai aktiviti bukan perdagangan luar pesisir.

10. Suatu syarikat luar pesisir yang menjalankan suatu aktiviti perniagaan luar pesisir yang adalah aktiviti bukan perdagangan luar pesisir hendaklah, dalam tempoh tiga bulan (atau apa-apa tempoh lanjutan yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah) dari permulaan suatu tahun taksiran, memfailkan dengan Ketua Pengarah suatu akuan berkanun dalam borang yang ditetapkan.

### BAHAGIAN IV

#### PEMBAYARAN DAN MENDAPATKAN CUKAI

Pembayaran cukai.

11. Suatu syarikat luar pesisir hendaklah—

- (a) semasa memfailkan akuan berkanun dan penyata keuntungan syarikat luar pesisir itu bagi suatu tahun taksiran di bawah seksyen 5, membuat bayaran penuh atas akaun bagi cukai yang akan dikenakan bagi tahun taksiran itu; atau
- (b) semasa memfailkan akuan berkanun di bawah seksyen 7 atau 8, membuat bayaran penuh cukai yang dikenakan bagi tahun taksiran itu.

**12.** Jika terdapat perbezaan di antara amaun yang telah dibayar di bawah perenggan (a) seksyen 11 dan amaun yang ditaksirkan oleh Ketua Pengarah di bawah seksyen 6, syarikat luar pesisir hendaklah membayar perbezaan itu atau Ketua Pengarah hendaklah membayar balik lebihan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Pembayaran perbezaan dan pembayaran bakk.

**13.** (1) Jika suatu syarikat luar pesisir gagal mematuhi seksyen 11 atau 12, Ketua Pengarah hendaklah mengeluarkan suatu notis permintaan yang akan disampaikan sendiri atau melalui pos kepada syarikat luar pesisir itu.

Notis permintaan

(2) Ketua Pengarah hendaklah, dalam mengeluarkan notis permintaan itu, menambahkan cukai atau baki cukai yang belum dibayar itu sebanyak sepuluh peratus dan amaun sedemikian bolehlah didapatkan sebagai cukai yang genap masanya dibayar.

(3) Cukai yang kena dibayar di bawah notis permintaan hendaklah dibayar apabila notis permintaan disampaikan.

**14.** (1) Cukai yang genap masanya dan kena dibayar bolehlah didapatkan oleh Kerajaan melalui prosiding sivil sebagai suatu hutang yang genap masanya dibayar kepada Kerajaan.

Mendapatkan cukai melalui guaman.

(2) Ketua Pengarah dan semua pegawai diberikuasa hendaklah disifatkan sebagai pegawai awam yang diberikuasa oleh Menteri di bawah subseksyen (1) seksyen 25 Akta Prosiding Kerajaan 1956, berkenaan dengan semua prosiding di bawah seksyen ini.

Akta 359.

(3) Seorang "pegawai diberikuasa" ertinya seorang pegawai rasmi yang diberikuasa oleh Ketua Pengarah bagi maksud-maksud seksyen ini.

## BAHAGIAN V

### TANGGUNGJAWAB BAGI PEMATUHAN

**15.** Syarikat luarpesisir adalah orang yang boleh ditaksirkan dan boleh dikenakan cukai yang dikenakan di bawah Akta ini.

Orang yang boleh dikenakan cukai.

Pegawai-  
pegawai yang  
bertanggung-  
jawab bagi  
pematuhan.

**16.** Tanggungjawab bagi melakukan segala tindakan dan perkara yang dikehendaki dilakukan oleh atau bagi pihak suatu syarikat luar pesisir bagi maksud-maksud Akta ini adalah terletak bersesama dan berasingan pada—

- (a) pengurus atau pegawai utama lain di Malaysia;
- (b) pengarah pemastautin sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Syarikat Luar Pesisir 1990;
- (c) setiausaha;
- (d) dalam hal sesuatu amanah, pemegang amanah atau pemegang-pemegang amanah;
- (e) mana-mana orang (walau bagaimanapun digelar) yang melaksanakan fungsi-fungsi mana-mana orang yang disebutkan dalam perenggan di atas; dan
- (f) dalam hal suatu syarikat di bawah likuidasi atau penerimaan, pelikuidasi atau penerima, mengikut mana-mana yang berkenaan.

## BAHAGIAN VI

### TAMBAHAN

#### *Pentadbiran*

Ketua  
Pengarah.

**17.** Ketua Pengarah adalah berkuasa menjaga dan menguruskan cukai.

Perwakilan  
fungsi-fungsi  
Ketua  
Pengarah.

**18.** (1) Mana-mana fungsi Ketua Pengarah di bawah Akta ini boleh dilaksanakan oleh Timbalan Ketua Pengarah, Penolong Ketua Pengarah, Penolong Kanan Pengarah atau Penolong Pengarah, Hasil Dalam Negeri yang disebutkan dalam seksyen 134 Akta Cukai Pendapatan 1967.

(2) Ketua Pengarah boleh secara bertulis mewakilkan mana-mana fungsinya di bawah Akta ini kepada mana-mana pegawai rasmi lain.

**19.** Menteri boleh memberi arahan-arahan bersifat am (yang tidak berlawanan dengan Akta ini) kepada Ketua Pengarah berkaitan dengan pelaksanaan fungsi-fungsi Ketua Pengarah di bawah Akta ini; dan Ketua Pengarah hendaklah menguatkuasakan apa-apa arahan yang diberikan sedemikian.

Kuasa Menteri untuk memberi arahan.

**20.** (1) Apa-apa penyata keuntungan, akuan berkanun atau maklumat yang dibuat atau diterima bagi maksud-maksud Akta ini hendaklah dianggap sebagai sulit dan tidaklah boleh disampaikan atau didedahkan kepada mana-mana orang kecuali bagi maksud-maksud Akta ini.

Penyata keuntungan dll., dianggap sulit.

(2) Jika mana-mana pegawai rasmi, sama ada sepanjang tempoh pekerjaannya atau selepas itu, melanggar subseksyen (1), dia adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

**21.** Menteri boleh membuat peraturan-peraturan secara am bagi maksud melaksanakan, atau menguatkuasakan peruntukan-peruntukan Akta ini dan khususnya, tetapi tanpa menjejaskan apa yang tersebut di atas, untuk menetapkan apa-apa borang sebagaimana yang dikehendaki ditetapkan oleh Akta ini atau sebagaimana yang difikirkannya perlu.

Kuasa Menteri untuk membuat peraturan-peraturan.

### *Pelbagai*

**22.** (1) Ketua Pengarah boleh melalui notis bertulis menghendaki mana-mana orang memberi apa-apa maklumat atau butir sebagaimana yang dikehendaki olehnya bagi maksud-maksud Akta ini.

Kuasa untuk meminta maklumat.

(2) Jika mana-mana orang, tanpa alasan yang munasabah, gagal mematuhi notis yang disebutkan dalam subseksyen (1), dia adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit.

Kesalahan dan penalti.

**23.** Mana-mana orang yang tanpa alasan yang munasabah—

- (a) gagal mengemukakan suatu akuan berkanun dan nyata keuntungan di bawah seksyen 5; atau
- (b) gagal memfailkan suatu akuan berkanun di bawah seksyen 7, 8 atau 10,

adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi Hma ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh dua tahun atau kedua-duanya.

Pengkompaunan kesalahan.

**24.** Ketua Pengarah boleh, dalam hal dimana difikirannya patut dan wajar untuk berbuat demikian, mengkompaunkan apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang di bawah seksyen 22 atau 23, dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang itu untuk mengkompaunkan kesalahan itu dengan membayar kepada Ketua Pengarah dalam masa yang ditentukan dalam tawaran itu apa-apa jumlah wang sebagaimana yang ditentukan dalam tawaran itu yang tidaklah boleh melebihi lima puluh peratus daripada amaun denda maksimum yang boleh dikenakan kepada orang itu jika dia telah disabitkan atas kesalahan itu.

(2) Sesuatu tawaran di bawah subseksyen (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu telah dilakukan, tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya telah dimulakan, dan jika amaun yang ditentukan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam masa yang ditentukan dalam tawaran itu, atau dalam apa-apa perlanjutan masa yang boleh diberikan oleh Ketua Pengarah, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu dibuat.

(3) Jika sesuatu kesalahan telah dikompaunkan di bawah subseksyen (1), tiada pendakwaan boleh dimulakan selepas itu berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran mengkompaunkan kesalahan itu dibuat.

25. Jika mana-mana orang dengan sengaja atau cuai membuat apa-apa akuan berkanun yang tidak betul atau palsu di bawah seksyen 5,7,8 atau 10, dia adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Penalti bagi akuan berkanun palsu.

#### HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan membuat peruntukan mengenai pengenaan, pentaksiran dan pemungutan cukai ke atas aktiviti perniagaan luar pesisir yang dijalankan oleh syarikat luar pesisir di atau dari Labuan.

2. *Bahagian I* bertujuan membuat peruntukan mengenai perkara-perkara permulaan termasuk takrif beberapa perkataan yang digunakan dalam Rang Undang-Undang. *Fasal 2(3)* nrenerangkan dengan jelasnya bahawa jika sesuatu syarikat luar pesisir memperoleh apa-apa pendapatan daripada sesuatu aktiviti yang bukannya aktiviti perniagaan luar pesisir, pendapatan itu hendaklah tertakluk kepada Akta Cukai Pendapatan 1967. Jika suatu pejabat bagi bank domestik atau cawangan bagi syarikat insurans domestik menjalankan perniagaan bank luar pesisir atau perniagaan insurans luar pesisir, pendapatan daripada perniagaan-perniagaan itu hendaklah juga tertakluk kepada Akta Cukai Pendapatan 1967.

3. *Bahagian II* adalah mengenai kebolehknaan cukai. *Fasal 3* adalah suatu peruntukan am yang bertujuan menghadkan skop pengenaan cukai hanya kepada suatu aktiviti perniagaan luar pesisir yang dijalankan oleh suatu syarikat luar pesisir.

4. *Fasal 4 hingga 6* berhubung dengan pengenaan cukai melalui penyata keuntungan. *Pasal 4* bercadang iintuk mengenakan cukai atas kadar tiga peratus bagi satu tahun taksiran ke atas keuntungan yang boleh dikenakan cukai bagi suatu syarikat luar pesisir yang menjalankan aktiviti perdagangan luar pesisir. Keuntungan yang boleh dikenakan cukai adalah berasaskan kepada keuntungan bersih teraudit sebagaimana yang diisytiharkan di dalam penyata keuntungan yang difailkan oleh syarikat luar pesisir di bawah *fasal 5*. *Fasal 5* juga menghendaki sesuatu syarikat luar pesisir memfailkan suatu akuan berkanun. Suatu aktiviti perdagangan luar pesisir termasuklah urusan bank, insurans, perdagangan, pengurusan, pelesenan atau apa-apa aktiviti lain yang bukannya suatu aktiviti bukan perdagangan luar pesisir. *Pasal 6* memberi kuasa kepada Ketua Pengarah untuk mentaksirkan cukai berasaskan kepada penyata keuntungan.

5. *Fasal 7* bertujuan membenarkan suatu syarikat luar pesisir yang menjalankan suatu aktiviti perdagangan luar pesisir untuk memilih ditaksirkan atas suatu kadar yang tetap sejumlah dua puluh ribu ringgit bagi satu tahun taksiran. Pemilihan ini hendaklah dibuat dalam tempoh tiga bulan (atau apa-apa tempoh lanjutan yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah) dari permulaan tahun taksiran itu. Jika suatu syarikat luar pesisir memilih sedemikian, syarikat itu dikehendaki memfailkan suatu akuan berkanun dengan Ketua Pengarah.

6. *Fasal 8* menghendaki suatu syarikat luar pesisir yang tidak mempunyai suatu tempoh perakaunan bagi satu tahun taksiran membayar cukai sejumlah dua puluh ribu ringgit dan memfailkan suatu akuan berkanun dengan Ketua Pengarah dalam tempoh tiga bulan (atau apa-apa tempoh lanjutan yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah) dari permulaan tahun taksiran itu.

7. *Bahagian III* adalah mengenai ketakbolehknaan cukai berkenaan dengan suatu syarikat luar pesisir yang menjalankan suatu aktiviti bukan perdagangan luar pesisir. *Fasal 10* menghendaki syarikat itu memfailkan suatu akuan berkanun dengan Ketua Pengarah dalam tempoh tiga bulan (atau apa-apa tempoh lanjutan yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah) dari permulaan tahun taksiran itu. Suatu aktiviti bukan perdagangan luar pesisir merujuk kepada pemegangan pelaburan dalam bentuk sekuriti, saham, syer, pinjaman, deposit dan harta tanah yang dipunyai oleh syarikat tersebut.

8. *Bahagian IV* menerangkan peruntukan-peruntukan mengenai pembayaran dan mendapatkan cukai. *Fasal 11* menghendaki suatu syarikat luar pesisir yang menjalankan suatu aktiviti perdagangan luar pesisir membuat bayaran penuh akan cukai syarikat itu semasa memfailkan penyata atau akuan berkanun, mengikut mana-mana yang berkenaan. *Fasal 12* membuat peruntukan mengenai pembayaran apa-apa perbezaan cukai dan pembayaran balik apa-apa lebihan cukai. *Fasal 13* membuat peruntukan mengenai pengenaan penalti sekiranya cukai tidak dibayar. *Pasal 14* membuat peruntukan mengenai mendapatkan cukai melalui prosiding sivil.

9. *Bahagian V* adalah mengenai tanggungjawab bagi pematuhan peruntukan-peruntukan Rang Undang-Undang. *Fasal 15* memperuntukkan bahawa syarikat luar pesisir adalah orang yang boleh dikenakan cukai di bawah Rang Undang-Undang. *Fasal 16* menyenaraikan orang-orang yang bertanggungjawab bagi pematuhan peruntukan-peruntukan Rang Undang-Undang bagi pihak syarikat luar pesisir.

10. *Bahagian VI* adalah mengenai pentadbiran dan perkara-perkara pelbagai. *Fasal 17* memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah adalah berkuasa untuk menjaga dan menguruskan cukai yang dikenakan di bawah Rang Undang-Undang. *Fasal 18* adalah berkenaan dengan perwakilan fungsi-fungsi Ketua Pengarah. *Fasal 19* memberi kuasa kepada Menteri Kewangan untuk memberi arahan-arahan kepada

Ketua Pengarah dalam melaksanakan fungsi-fungsinya. *Fasal 20* adalah berkenaan dengan peruntukan-peruntukan kerahsiaan. *Fasal 21* memberi kuasa kepada Menteri Kewangan untuk menetapkan peraturan-peraturan jika perlu bagi memudahkan pelaksanaan Rang Undang-Undang. *Fasal 22* memberi kuasa kepada Ketua Pengarah untuk memanggil maklumat daripada syarikat luar pesisir bagi maksud-maksud Rang Undang-Undang. *Fasal 23* mengandungi peruntukan-peruntukan penal kerana tidak mematuhi peruntukan-peruntukan tertentu Rang Undang-Undang. *Fasal 24* membuat peruntukan mengenai pengkompaunan kesalahan dan *fasal 25* mengandungi peruntukan-peruntukan penal kerana memfailkan suatu akuan berkanun yang tidak betul atau palsu.

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang ini. [PN. (U<sup>2</sup>) 1614.]